

## Gaya Pembelajaran Komputer Guru Pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah Maktab Perguruan

NORAZAH MOHD. NORDIN  
SHAARI OSMAN

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kecenderungan gaya pembelajaran dalam proses pembelajaran komputer di kalangan guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), maktab-maktab perguruan di Lembah Klang dengan menggunakan kaedah tinjauan. Tumpuan kajian ialah terhadap enam kecenderungan gaya pembelajaran iaitu audio, visual, tactile, kinestatik, berkumpulan dan individu serta hubungannya dengan jantina dan opsyen. Kajian ini dijalankan terhadap 338 orang guru pelatih yang dipilih secara rawak berstrata dan satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi memungut data. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi mentafsir data dan untuk menjawab soalan-soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap aspek kecenderungan gaya pembelajaran adalah tinggi bagi gaya berkumpulan dan gaya kinestatik, manakala gaya pembelajaran audio, visual, tactile, dan individu adalah sederhana. Terdapat juga hubungan yang signifikan antara tahap gaya pembelajaran berkumpulan dengan jantina. Lain-lain gaya pembelajaran tidak menunjukkan perbezaan disebabkan faktor jantina dan opsyen dalam proses pembelajaran komputer.*

### ABSTRACT

*The purpose of this study was to determine the level of the preferred learning styles in the process of learning the applications of computer among post graduate teacher trainees in the Klang Valley as a case study. The main focus of the study was to determine the level of six preferred learning styles, which are audio, visual, tactile, kinestatic, group and individual in the process of learning the applications of computer. This study also focuses on the relationships between preferred learning styles with gender and options. This study was conducted upon 338 post graduate teacher trainees in colleges situated in the Klang Valley by using stratified sampling technique. A set of questionnaires was used to collect data and then analyzed by using descriptive and inferential statistics. In general, the study has shown that the level of the preferred learning styles in groups and kinestatic were high, and others were average. There was statistically significant relationship between the preferred*

*learning styles in groups with gender. Other aspects of the preferred learning styles did not show any difference with respect to gender and options.*

## PENGENALAN

Kajian secara formal tentang gaya pembelajaran telah dijalankan lebih dari 30 tahun lalu dalam pelbagai orientasi konsep. Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) adalah antara yang terlengkap dari segi skop dan diamalkan oleh ramai pendidik (DeBello 1990). Kajian literatur terhadap gaya pembelajaran datang dari pelbagai sudut yang menyumbang kepada ketidakserasian, ketidaktekalan (*inconsistent*) dan terdapat juga yang bercanggah. Perbezaan ini terjadi kerana gaya pembelajaran dilihat dari sudut yang berbeza. Ada yang memberi takrif secara langsung dan ada pula yang memberi pengertian berdasarkan bagaimana ia boleh diukur.

Riding dan Rayner (1998) pula melihat gaya pembelajaran sebagai strategi pembelajaran yang dihaskan untuk pelajar tertentu, yakni merujuk kepada tindak balas seseorang terhadap sesuatu tugas pembelajaran. Biasanya, kecenderungan gaya pembelajaran digabungkan dengan gaya kognitif (merujuk kepada cara bagaimana maklumat diuruskan dan diwakilkan) dan seterusnya menghasilkan tindakan. Perbezaan yang jelas bagi Riding dan Rayner ialah gaya strategi boleh berubah, manakala gaya kognitif adalah kekal tidak berubah. Jelasnya dalam model yang dihasilkan oleh Riding dan Rayner ini, gaya pembelajaran kognitif dianggap sebagai sesuatu yang tekal dalam jangka masa yang lama kerana ia merujuk kepada cara bagaimana maklumat diurus dan diwakilkan dalam pemikiran pelajar. Pandangan ini tidak selari dengan pandangan Sternberg (2001) yang mengatakan bahawa gaya pembelajaran berubah mengikut konteks dan mungkin berubah mengikut masa walaupun merujuk kepada konteks yang sama. Namun, Riding dan Rayner (1998) tetap mempertahankan model mereka secara relatif.

Reiff (1992) mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai satu set tingkah laku dan sikap yang membantu pembelajaran seseorang dalam sesuatu situasi. Ia mempengaruhi bagaimana seseorang itu belajar, bagaimana guru mengajar dan bagaimana kaitan antara kedua-duanya. Jika perkaitan kedua-duanya serasi, pembelajaran berkesan akan terjadi. Cabaran besar yang menanti semua pendidik ialah bagaimanakah mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang dapat mengambil kira kecenderungan gaya pembelajaran pelajar.

Beberapa kajian yang mengaitkan antara gaya pembelajaran dengan pemilihan opsyen telah dilakukan. Kajian yang dijalankan oleh Hilliard (1995) mendapati pelajar yang diberi peluang untuk memilih opsyen sama ada ingin mengikuti aliran sains atau sains sosial, memperlihatkan keupayaan untuk mencapai kejayaan adalah tinggi. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kaitan antara gaya pembelajaran dengan pemilihan opsyen di kalangan

pelajar. Kajian lepas juga memperlihatkan kaitan antara gaya pembelajaran dengan strategi pengajaran di dalam bilik darjah. Hayes dan Allinson (1993) telah menjalankan tinjauan literatur untuk memeriksa kaitan antara kecenderungan gaya pembelajaran individu dengan strategi pengajaran. Beliau mendapati 10 daripada 17 hipotesis menyokong strategi pengajaran yang digunakan akan mempengaruhi pencapaian pelajar yang mempunyai jenis kecenderungan gaya pembelajaran tertentu. Kajian oleh Rhonda (2003) bagi membandingkan antara kaedah pengajaran tradisional dengan kaedah yang mengambil kira gaya pembelajaran di kalangan pelajar sekolah menengah (*middle school*) jelas menunjukkan perbezaan antara kedua-duanya.

Terdapat beberapa perspektif dan dimensi gaya pembelajaran yang dikemukakan oleh pakar-pakar dan pengkaji masa lalu. Kadang-kadang dimensi tersebut mungkin berbeza antara satu dengan yang lain. Terdapat juga model gaya pembelajaran yang memberi fokus kepada dimensi sosial pelajar. Grasha dan Reichmann (1974) menggunakan alat *Grasha-Reichmann Student Learning Style Scales* (GRSLSS,) telah memperkenalkan enam gaya pembelajaran social, iaitu bebas, mengelak, bekerjasama, bergantung, bersaing dan keterlibatan. Reid (1987) menjalankan kajian terhadap pembelajaran mata pelajaran ESL (*English as a Second Language*) telah memperkenalkan model kecenderungan gaya pembelajaran dengan enam aspek gaya pembelajaran yang tergolong dalam aspek psikologi. Aspek-aspek gaya pembelajaran tersebut ialah visual, audiotori, kinestetik, *tactile*, kumpulan dan individu.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kecenderungan gaya pembelajaran semasa pembelajaran komputer di kalangan guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di maktab perguruan. Kajian ini dibataskan kepada guru-guru pelatih KPLI maktab-maktab perguruan Lembah Klang semasa pembelajaran komputer sahaja. Perkara-perkara yang dikaji terbatas kepada tahap kecenderungan gaya pembelajaran mengikut model gaya pembelajaran Reid (1987), iaitu visual, audiotori, kinestetik, *tactile*, kumpulan dan individu. Kefahaman terhadap gaya pembelajaran, akan membantu pensyarah merancang aktiviti pengajaran yang serasi dengan gaya pembelajaran yang menjadi kecenderungan pelajar. Ia akan membawa faedah bersama kepada pelajar dan pensyarah dan seterusnya dapat mengelakkan ketegangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini juga akan meluaskan lagi pengetahuan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran semasa pembelajaran komputer.

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang menjadi pilihan guru pelatih KPLI semasa pembelajaran komputer. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh pemboleh ubah bebas jantina dan opsyen terhadap keenam-enam kecenderungan gaya pembelajaran tersebut.

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

Apakah tahap aspek-aspek kecenderungan gaya pembelajaran guru pelatih KPLI semasa pembelajaran komputer?

1. Adakah terdapat perbezaan tahap aspek-aspek kecenderungan gaya pembelajaran dengan jantina?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap aspek-aspek kecenderungan gaya pembelajaran dengan opsyen?

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kaedah tinjauan. Populasi kajian ialah guru-guru pelatih dari maktab-maktab perguruan di Lembah Klang. Tinjauan ini akan menggunakan soal selidik sebagai alat untuk mengumpul data.

Populasi kajian terdiri daripada semua guru-guru pelatih KPLI (ambilan Januari 2004) maktab-maktab perguruan dari Lembah Klang. Maktab-maktab yang terlibat ialah Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK), Maktab Perguruan Teknik (MPT), Maktab Perguruan Islam (MPI), Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM) dan Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa (IPBA).

Bilangan sampel ini ialah 338 orang guru pelatih daripada jumlah keseluruhan 1140 orang guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2004 dari maktab-maktab perguruan Lembah Klang. Sampel kajian dipilih secara rawak berstrata berdasarkan peratus guru pelatih mengikut opsyen dan jantina.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diubah suai daripada Reid (1987). Bagi memenuhi keperluan kajian, soal selidik ini disediakan dalam tiga bahagian, iaitu Bahagian A (maklumat berkaitan demografi) dan Bahagian B (maklumat tentang tahap aspek-aspek kecenderungan gaya pembelajaran). Kajian rintis telah dijalankan ke atas 34 guru pelatih KPLI di MPIK. Nilai Alpha Cronbach yang dihasilkan menunjukkan semua item dalam soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

## DAPATAN KAJIAN

### GAYA PEMBELAJARAN KOMPUTER

Min dan sisihan telah digunakan untuk menghuraikan tahap kecenderungan gaya pembelajaran di kalangan responden semasa pembelajaran komputer. Hasil analisis data adalah seperti dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1, nilai min skor bagi semua tahap kecenderungan gaya pembelajaran berada di tahap sederhana tinggi ( $\bar{X} > 3.00$ ). Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kecenderungan terhadap semua tahap gaya pembelajaran yang dikaji. Terdapat tahap kecenderungan gaya pembelajaran

JADUAL 1. Min skor dan sisihan piawai tentang tahap kecenderungan gaya pembelajaran

Kecenderungan Gaya Pembelajaran	Sampel (N)	Min Skor ( $\bar{X}$ )	Sisihan Piawai (s)
Audio	338	3.7071	0.43416
Visual	338	3.6645	0.43111
Kinestatik	338	4.0728*	0.40004
Tactile	338	3.9988	0.41685
Berkumpulan	338	4.0247*	0.51071**
Individu	338	3.4065	0.60685**

\* nilai min melebihi 4.0000

\*\* nilai sisihan piawai melebihi 0.5

yang mempunyai nilai min yang tinggi ( $\bar{X} > 4.00$ ), iaitu aspek gaya pembelajaran kinestatik dan berkumpulan. Nilai sisihan piawai adalah seragam dan sederhana besar. Terdapat dua tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang mempunyai nilai sisihan piawai melebihi 0.5, iaitu gaya pembelajaran berkumpulan dan individu. Dapatan ini menunjukkan bahawa serakan skor bagi kedua-dua tahap kecenderungan gaya pembelajaran tersebut adalah lebih luas berbanding dengan tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang lain.

#### GAYA PEMBELAJARAN BERDASARKAN JANTINA

Ujian-t digunakan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan min tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang signifikan dengan jantina. Keputusan ujian-t adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2 menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan untuk lima tahap kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan jantina. Hanya gaya pembelajaran berkumpulan menunjukkan perbezaan min yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan ( $p < 0.05$ ).

#### GAYA PEMBELAJARAN MENGIKUT OPSYEN

Ujian ANOVA-satu hala digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang signifikan antara responden mengikut opsyen. Dalam kajian ini, opsyen dikategorikan dalam tiga bahagian, iaitu opsyen Sains, Sains Sosial dan Teknikal. Keputusan ujian ANOVA-satu hala dinyatakan dalam Jadual 3.

JADUAL 2. Ujian-t dua hujung yang menentukan perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan jantina

Aspek Kecenderungan Gaya Pembelajaran	Jantina	N	Min	Nilai-t	Sig.
Audio	Lelaki	148	3.745	1.403	0.161
	Perempuan	190	3.678		
Visual	Lelaki	148	3.684	0.725	0.469
	Perempuan	190	3.650		
Kinestatik	Lelaki	148	4.073	.008	0.994
	Perempuan	190	4.073		
<i>Tactile</i>	Lelaki	148	4.019	0.782	0.435
	Perempuan	190	3.983		
Berkumpulan	Lelaki	148	4.102	2.486	0.013*
	Perempuan	190	3.964		
Individu	Lelaki	148	3.424	0.476	0.635
	Perempuan	190	3.393		

\* signifikan para aras 0.05 (2 hujung)

JADUAL 3. Ujian ANOVA-satu hala yang menentukan perbezaan aspek-aspek kecenderungan gaya pembelajaran dengan opsyen (sains sosial, sains dan teknikal)

Aspek Kecenderungan Gaya Pembelajaran	Punca variasi	Jumlah kuasa dua	Dk	Varian	F	Sig.
Audio	Antara Kumpulan	0.565	2	0.283	1.503	0.224
	Dalam Kumpulan	62.958	335	0.188		
	Jumlah	63.523	337			
Visual	Antara Kumpulan	0.289	2	0.144	0.776	0.461
	Dalam Kumpulan	62.345	335	0.186		
	Jumlah	62.634	337			
Kinestatik	Antara Kumpulan	0.371	2	0.185	1.160	0.315
	Dalam Kumpulan	53.559	335	0.160		
	Jumlah	53.930	337			
<i>Tactile</i>	Antara Kumpulan	0.476	2	0.238	1.372	0.255
	Dalam Kumpulan	58.084	335	0.173		
	Jumlah	58.560	337			
Berkumpulan	Antara Kumpulan	0.504	2	0.252	0.965	0.382
	Dalam Kumpulan	87.393	335	0.261		
	Jumlah	87.896	337			
Individu	Antara Kumpulan	0.630	2	0.315	0.854	0.427
	Dalam Kumpulan	123.476	335	0.369		
	Jumlah	124.106	337	0.283		

Jadual 3 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua tahap kecenderungan gaya pembelajaran di kalangan guru pelatih KPLI berdasarkan opsyen.

## PERBINCANGAN

Secara umum hasil analisis kajian mendapati guru-guru pelatih KPLI maktab-maktab perguruan di Lembah Klang cenderung kepada semua tahap gaya pembelajaran yang dikaji ( ). Terdapat tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang sangat digemari, iaitu tahap gaya pembelajaran kinestetik dan berkumpulan ( $\bar{X} > 4.000$ ). Dapatan kajian ini, memperlihatkan bahawa guru-guru pelatih KPLI mempunyai ciri-ciri pelajar dewasa di mana menurut Knowles (1984), orang dewasa mempunyai pengalaman yang banyak dan pembelajaran lebih berkesan sekiranya pengalaman ini digunakan sebagai asas untuk menguasai kemahiran atau pengetahuan baru. Sehubungan itu, teknik seperti perbincangan, penyelesaian masalah, penerokaan, pembentangan, perkongsian maklumat adalah lebih relevan dan sesuai dengan gaya pembelajaran mereka. Orang dewasa tidak bergantung penuh kepada guru mereka untuk mendapat pengetahuan atau kemahiran. Ciri-ciri tersebut jelas dalam aspek kecenderungan gaya pembelajaran berkumpulan. Dengan pengalaman yang banyak juga menjadikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai kecenderungan gaya pembelajaran yang dikaji.

$\bar{X} > 3.000$

Dapatan kajian juga mencadangkan hanya tahap kecenderungan gaya pembelajaran berkumpulan yang menunjukkan perbezaan disebabkan faktor jantina di mana pelajar lelaki lebih cenderung kepada tahap gaya pembelajaran berkumpulan berbanding rakan perempuan mereka. Lain-lain tahap kecenderungan gaya pembelajaran tidak menunjukkan perbezaan. Dari perspektif kajian lepas, Mohamad Zailani (2001) yang menjalankan kajian terhadap guru-guru pelatih tahun dua Kursus Diploma Perguruan Malaysia maktab-maktab perguruan di Sarawak mendapati perbezaan kecenderungan gaya pembelajaran hanya berlaku dalam aspek risiko verbal antara guru pelatih lelaki dengan guru pelatih perempuan manakala aspek yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $p < 0.05$ ).

Dapatan kajian mencadangkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua tahap kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan opsyen. Dari perspektif kajian lalu, Loo (2002) mendapati wujud perbezaan taburan kecenderungan gaya pembelajaran antara pelajar pengkhususan *soft major* (pengkhususan pengurusan am dan pengkhususan Pemasaran) dengan *hard major* (pengkhususan Perakaunan dan pengkhususan Kewangan). Namun beliau mendapati hanya satu tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang signifikan iaitu pelajar pengkhususan Kejuruteraan dan Sains Komputer lebih cenderung kepada gaya pembelajaran *textile* berbanding pelajar pengkhususan Kemanusiaan

( $p < 0.05$ ). Jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhan dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian lepas, di mana kecenderungan gaya pembelajaran tidak dipengaruhi oleh pembolehubah bebas opsyen secara signifikan.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan dalam kebanyakan tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang signifikan mengikut jantina dan opsyen. Hanya gaya pembelajaran berkumpulan yang menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan jantina. Dengan dapatan tersebut adalah diharapkan para pensyarah dapat merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang difikirkan sesuai dengan dapatan tersebut. Para pensyarah bebas menggunakan daya kreativiti masing-masing bagi mencari pendekatan yang selari dengan tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang menjadi pilihan mereka semasa pembelajaran komputer. Keselarasan antara pendekatan pengajaran dengan gaya pembelajaran guru pelatih akan menjadikan proses membuat refleksi dalam putaran pembelajaran oleh Roger (2000) menjadi lebih mudah. Semakin kritikal refleksi yang dibuat terhadap pengalaman lepas dengan cara yang mereka sendiri sukai, semakin mudah proses pembelajaran berkesan berlaku.

## RUJUKAN

- DeBello, T.C. 1990. Comparison of eleven major learning styles model: Variables, appropriate populations, validity of instrumentation, and reserch behind them. *Journal of Reading, Writing, and Learning Disabilities International* 6(3): 203-222
- Dunn, R & Dunn, K. 1978. *Teaching students throught their individual learning styles: A practical approach*. New Jersey Prentice Hill.
- Grasha, A.F., & Reichmann, S.W. 1974. A rasional approach to developing and assessing the construct validity of a student learning style scale instrument. *Journal of Pyscology* 87: 213-223
- Hayes, J., & Allinson, C.W. 1996. The implication of learning styles for training and development: A discussion of the matching hypotheses. *British Journal of Management* 68: 301-308
- Knowles, M. S. & Associates. 1984. *Andragogy in action*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Loo, R. 2002. The distribution of learning styles and types for hard and soft business major. *Educational Psychology* 22( 3): 350-360.
- Mohammad Zailani Jaya. 2001. Kecenderungan gaya pembelajaran guru pelatih tahun 2, maktab-maktab perguruan Sarawak. Penyelidikan Peringkat Sarjana UKM.
- Reid, J.M. 1987. The perceptual learning styles preferences og ESL students. *TESOL Quarterly* 21(1): 87-109.
- Reid, J.M (Ed.). 1995. *Learning styles in the ESL/EFL classroom*. Boston, MA: Heinle &Heinle Publishers.
- Reiff, J. C. 1992. *Learning styles*. Washington DC: National Education Association.
- Rhonda, D. F .2003. Effects of traditional versus learning-styles instructional methods

- on middle school students. *The Journal of Educational Research*, September/October 2003, 97(1):42-51.
- Riding, R., & Rayner, S. (Eds.). 1998. *Cognitive styles and learning strategies: Understanding style differences in learning and behaviour*. London: David Fulton Publishers
- Roger, A. 2002. Dlm. Harrison et al. 2002. *Supporting lifelong learning volume I: perspective on learning*. London: Routledge Falmer
- Sternberg, R.J. 2001. *Epilogue: Another mysterious affair at styles*. Dlm R.J Sternberg & L.F. Zhang (Eds.), *Perspectives on thinking, learning, and cognitive styles* (249-252). NJ: Lawrence Erlbaum.

Norazah Mohd. Nordin  
Shaari Osman  
Jabatan Asas Pendidikan  
Fakulti Pendidikan  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E.